



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	22/12/2020	MUKA SURAT	: 4
JABATAN	:	KeTSA / TNB		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

# Kadar tarif elektrik diumumkan minggu ini

BH 22/12/2020 m/s 4

**Kerajaan beri jaminan kepentingan rakyat jadi keutamaan**

Oleh Rafidah Mat Ruzki  
fidahruzki@bh.com.my

**Putrajaya:** Kadar tarif elektrik untuk pengguna domestik dan industri bagi 2021 akan diumumkan minggu ini, kata Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah.

"Kita akan umumkan dalam minggu ini... tunggu," katanya kepada media selepas majlis perhimpunan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli di sini, semalam.

Jun lalu, kerajaan memberi jaminan kepentingan rakyat akan sentiasa menjadi keutamaan dalam menilai semula kadar semasa tarif elektrik.

Suruhanjaya Tenaga (ST) dijangka mengumumkan tarif baharu bagi tempoh Januari-Jun 2021 pada penghujung tahun ini selepas mendapat persetujuan Kabinet.

September lalu, Tenaga Nasional Bhd (TNB) dilapor menjangkakan berlaku penurunan kecil kadar tarif elektrik tahun depan berikutan penyusutan kos pengeluaran arang batu dan gas semasa.

Sementara itu, Shamsul Anuar berkata, pengguna domestik yang mempunyai tunggakan bil elektrik kurang enam bulan boleh menarik nafas lega

apabila tiada pemotongan bekalan dikenakan terhadap mereka untuk tempoh tiga bulan lagi membabitkan tempoh antara 1 Januari hingga 31 Mac 2021.

Katanya, inisiatif itu dibuat selepas mengambil kira keperluan membantu rakyat dalam suasana ekonomi yang mencahar berikutan impak berpanjangan pandemik COVID-19.

"Kerajaan dengan kerjasama TNB dan Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) bersetuju supaya tiada pemotongan bekalan elektrik dilaksanakan terhadap premis pengguna domestik yang mempunyai tunggakan kurang enam bulan sepanjang tempoh 1 Januari hingga 31 Mac 2021.

"Kategori pengguna ini akan diberi kemudahan untuk membuat pembayaran secara ansuran selama enam bulan mulai 1 Januari hingga 30 Jun 2021," katanya.

Shamsul Anuar berkata, pengguna lain yang tidak termasuk dalam kategori itu boleh berunding dengan pihak TNB dan SESB untuk membuat pembayaran secara ansuran bagi mengelak pemotongan bekalan elektrik sebagaimana diumumkan sebelum ini.

Katanya, TNB sudah diarah membuka kaunter untuk memudahkan urusan itu di Kedai Tenaga.

Beliau berkata, pelaksanaan inisiatif itu termasuk Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Bantuan Prihatin Elektrik (BPE) boleh dimanfaatkan sejumlah 6.94 juta pengguna domestik di Semenanjung dan 500,000 pengguna domestik di Sabah.

Shamsul Anuar berkata, sebelum ini pihaknya mengumumkan tiada pemotongan dilaksanakan terhadap mereka yang mempunyai tunggakan bil elektrik sehingga bulan ini, sebelum diteruskan untuk tiga bulan lagi.

Sebelum ini, katanya, BPE tambahan diberi kepada semua pengguna domestik di Semenanjung iaitu diskaun secara sekali bayar sehingga RM77 sebulan atau RM231 untuk tempoh tiga bulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), iaitu bagi penggunaan elektrik bagi April, Mei dan Jun 2020.

Setakat 31 Oktober 2020, manfaat diskaun bil elektrik bawah pakej PRIHATIN dan BPE dinikmati sejumlah 7.66 juta pengguna kategori domestik di Semenanjung dengan peruntukan berjumlah RM1.9 bilion.



**Pengguna domestik yang mempunyai tunggakan bil elektrik kurang enam bulan boleh menarik nafas lega apabila tiada pemotongan bekalan dikenakan terhadap mereka untuk tempoh tiga bulan lagi.**

**Shamsul Anuar Nasarah,**  
Menteri Tenaga dan Sumber Asli